

16/12/2015 - Majlis Anugerah Inovasi Se4ktor Awam (AISA) 2015

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

Terima kasih Saudara / Saudari Pengacara Majlis.

YBhg. Tan Sri Mohamad Zabidi bin Zainal,

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Malaysia;

YBhg. Tan Sri Dr. Mohd Irwan Serigar bin Abdullah,

Ketua Setiausaha Perbendaharaan;

YBhg. Dato' Sri Zainal Rahim bin Seman,

Ketua Pengarah Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU);

Yang Berbahagia Ketua-Ketua Setiausaha Kementerian;

Yang Berbahagia Ketua-Ketua Pengarah Jabatan Persekutuan;

Yang Berbahagia Ketua-Ketua Pegawai Eksekutif Badan Berkanun;

Yang Berbahagia Yang DiPertua-Yang DiPertua Pihak Berkuasa Tempatan;

Yang Berbahagia Tan Sri-Tan Sri, Dato' Seri-Dato' Seri, Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang saya hormati sekalian.

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, marilah kita sama-sama memanjatkan rasa syukur kepada Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan keizinan-Nya jua, kita diberikan kesempatan untuk berhimpun dalam Majlis Anugerah Inovasi Sektor Awam (AISA) bagi tahun 2015.

2. Sebagaimana yang kita sedia maklum, majlis pada hari ini bertujuan untuk **memberi pengiktirafan dan penghargaan** kepada agensi-agensi sektor awam yang telah mencipta keunikan dan kelainan dalam penciptaan inovasi-inovasi yang terbaharu. Saya percaya usaha sebegini tidak dapat dilaksanakan tanpa adanya semangat dan dedikasi yang tinggi daripada anggota-anggota yang terlibat. Atas semangat dan iltizam sebegini, syabas dan tahniah saya ucapkan.

INOVASI DI SEKTOR AWAM

Hadirin yang dihormati sekalian,

3. Tema Anugerah Inovasi Sektor Awam (AISA) pada tahun ini ialah **“Memperkasakan Inovasi, Mensejahterakan Rakyat”**. Tema ini sememangnya bertepatan dengan perkembangan dan landskap baharu perkhidmatan awam pada masa kini. Sememangnya, **budaya inovasi perlu diperkasakan** di dalam sektor awam agar penyampaian perkhidmatan awam sentiasa dimantapkan dari semasa ke semasa.

4. Inovasi yang dihasilkan perlu memberi kesan dan impak yang tinggi dalam mengubah kehidupan masyarakat dan rakyat. Sejarah membuktikan bahawa **usaha sesuatu inovasi** bertitik tolak dengan tujuan untuk **membantu manusia sejagat**. Ini dapat dizahirkan menerusi idea-idea yang kreatif, baharu serta mempunyai nilai moral yang tinggi.

5. Sebagai contoh, Pusat Transformasi Bandar ataupun *Urban Transformation Centre* (UTC) telah muncul sebagai penerima Anugerah Inovasi Perdana Menteri (AIPM) bagi tahun 2014. Projek ini bukan sahaja mendapat sambutan atau mengubah pemikiran rakyat mengenai penyampaian perkhidmatan awam malah telah **menjadi contoh dan ikutan terbaik** kepada semua pihak dari dalam dan juga luar negara.

Hadirin yang dihormati sekalian,

6. Sesungguhnya, penciptaan inovasi boleh dihasilkan dalam lingkungan organisasi kita dengan adanya **penglibatan aktif dan berterusan** daripada komuniti setempat, Pertubuhan Badan Bukan Kerajaan (NGO) atau kumpulan sasar yang ingin didekati. Pendekatan ini perlu dipraktikkan dengan sebaiknya, kerana pembudayaan inovasi bukan sahaja melibatkan satu pihak sahaja malah ia melibatkan pihak berkepentingan yang lain.

7. Menyentuh mengenai perkara ini, inovasi yang ingin dihasilkan juga perlu sejajar dengan **penerapan budaya** 'Cari dan Bantu' atau "**Search and Serve**". Penjawat awam pada masa kini perlu lebih kerap untuk turun padang dan **menawarkan perkhidmatan** kepada rakyat sejajar dengan konsep 'Merakyatkan Perkhidmatan Awam'. Penawaran perkhidmatan ini perlu dilakukan agar **kumpulan atau golongan sasar** yang ingin didekati **dapat dicapai dengan sebaiknya**. Saya yakin dan percaya, usaha sebegini dapat dijayakan sekiranya elemen dan budaya inovasi dapat dipraktikkan dengan sebaiknya.

Hadirin yang dihormati sekalian,

8. Langkah Kerajaan untuk memperkasakan elemen kreativiti dan inovasi di sektor awam akan melonjakkan prestasi sesebuah organisasi ke satu tahap yang lebih baik secara berterusan. Ini adalah sejajar dengan era globalisasi yang mendasari gelombang perubahan masa kini, di mana **aspek daya saing** menjadi pemacu utama pertumbuhan ekonomi sebuah negara.

9. Lantas, komitmen Kerajaan yang ditunjukkan dalam Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11) dan Bajet 2016 membuktikan dengan jelas bahawa **agenda inovasi Negara** saling berkait rapat dengan usaha Kerajaan untuk meningkatkan daya saing ekonomi Negara. Dalam hal ini, sektor awam harus memainkan peranan bagi memastikan dasar yang digubal dapat dilaksanakan bagi mencapai kerangka ekonomi yang lebih besar.

10. Atas kepercayaan itu juga, Kerajaan telah mengenalpasti bahawa **inovasi merupakan faktor penentu kejayaan** dalam konteks pengukuhan daya saing negara. Sehubungan dengan itu, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan untuk mentransformasikan perkhidmatan awam. Ini

termasuk membangunkan Pelan Strategik dan Program Transformasi Agensi, melaksanakan perkeyasaan atau *Business Process Reengineering*, memperkukuh pelaksanaan strategik teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dan menggembeng tenaga kerja optimum melalui Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS).

ANUGERAH INOVASI SEKTOR AWAM (AISA)

Hadirin yang dihormati sekalian,

11. Sebagaimana yang telah dimaklumkan, Anugerah Inovasi Sektor Awam (AISA) ialah **pengiktirafan peringkat kedua** selepas Anugerah Inovasi Perdana Menteri (AIPM). Ia menghargai penghasilan inovasi dalam **empat (4) bidang pengurusan khusus** iaitu Pengurusan Kewangan, Pengurusan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT), Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan dan Pengurusan Pentadbiran Daerah dan Tanah.

12. Sebagai salah satu usaha untuk memantapkan struktur pengiktirafan inovasi dalam sektor awam, **pengenalan kategori tambahan AISA** akan dilaksanakan **mulai tahun 2016** bagi meningkatkan peluang penyertaan pelbagai Jabatan/Agensi Kerajaan. Sehubungan dengan itu, pelawaan pencalonan bagi **Anugerah Inovasi Pengurusan Sumber Manusia (AIPSM)** yang diurusetikan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam akan dibuka mulai tahun hadapan untuk mengiktiraf kejayaan inovasi dalam aspek pengurusan bakat, pembangunan kepimpinan, jalinan kerjasama dan tadbir urus organisasi secara keseluruhan.

13. Dengan pengenalan kategori baharu ini, maka tibalah masanya inisiatif inovasi dalam bidang pengurusan sumber manusia diberi pengiktirafan sewajarnya di dalam sektor perkhidmatan awam.

14. Pada tahun ini juga, **hadiah wang tunai** bagi Anugerah Inovasi Sektor Awam akan **diagihkan semula mengikut tempat pertama, kedua dan ketiga** yang masing-masing membawa nilai RM150,000, RM100,000 dan RM50,000 bagi kesemua kategori anugerah.

Langkah ini merupakan satu **pengiktirafan kepada semua finalis AISA** mulai tahun ini serta diharap dapat meningkatkan penyertaan pelbagai jabatan dan agensi pada tahun-tahun akan datang.

PENUTUP

Hadirin yang dihormati sekalian,

15. Saya ingin mengambil kesempatan pada hari ini untuk mengucapkan **setinggi-tinggi tahniah dan syabas** kepada agensi-agensi yang bakal dinobatkan sebagai penerima Anugerah Inovasi Sektor Awam dalam kategori masing-masing. Saya yakin kejayaan menempa sejarah sebagai penerima anugerah yang cukup bermakna ini pasti akan menjadi kenangan indah dalam perjalanan kerjaya anda semua.

16. Semoga kejayaan ini akan terus memberi inspirasi kepada agensi-agensi lain untuk terus memperkasakan inovasi dan kreativiti di dalam organisasi masing-masing. Sebaiknya, dalam usaha merencanakan lagi pembudayaan inovasi dan kreativiti di agensi awam, **kejayaan penerima-penerima anugerah perlu dicontohi oleh semua agensi perkhidmatan awam.**

17. Akhir kata, saya ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak atas komitmen dan kerjasama yang diberikan dalam memastikan budaya inovasi terus berkembang di dalam perkhidmatan awam seiring dengan keperluan dan peredaran dunia pada masa kini.

18. Dengan lafaz **'Bismillahirrah- manirrahim'**, sukacitanya saya merasmikan Majlis Anugerah Inovasi Sektor Awam 2015.

Sekian, *Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

©2015 Copyright Reserved SMPKE, Prime Minister's Office

Source: <http://www.pmo.gov.my/ksn/home.php?frontpage/speech/detail/2044>